

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HKN 202 Kajian Teks Melayu Klasik

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN
DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. DUA [2] soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A:

1. Walaupun terdapat unsur-unsur sejarah di dalam Sulalatus Salatin, namun unsur-unsur sastera amat ketara sehingga menjadikannya sebuah karya yang bermutu. Bincangkan.
2. Keunikan Hang Tuah terletak pada kesetiaannya kepada raja, manakala keunikan Hang Jebat kerana penderhakaannya. Bincangkan pernyataan ini berhubung dengan kewiraan bangsa Melayu sebagaimana yang tergambar di dalam teks Hikayat Hang Tuah.
3. Sebagai karya warisan Hindu, Hikayat Seri Rama banyak memaparkan soal kepercayaan dan pegangan hidup masyarakat Hindu. Bincangkan sejauhmanakah anda bersetuju dengan tanggapan tersebut?

Bahagian B:

4. Wawasan masyarakat dan negara dalam Sulalatus Salatin tidak boleh dijadikan model bagi pembinaan negara bangsa Melayu, sebaliknya gambaran dalam Hikayat Hang Tuah wajar digunakan. Kemukakan pandangan anda dengan alasan yang bernas.

5. Hikayat Hang Tuah dan Hikayat Seri Rama adalah dua buah karya epik dalam warisan kesusasteraan Melayu. Bincangkan tanggapan dan penerimaan masyarakat terhadap setiap karya tersebut.
6. Buat perbandingan secara kritis tentang perwatakan watak-watak protagonis di dalam Sulalatus Salatin dan Hikayat Hang Tuah.

--oo000oo--